e-Buletin

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

UniSZA times

Pendidikan dengan Jiwa • Education with Soul

Edisi 12
Disember 2025



MAJLIS APRESIASI RAKAN INDUSTRI DAN ALUMNI (MARIA 2025)

Industry Partners and Alumni Appreciation Ceremony (MARIA 2025)



ms **3**

Penerbit UniSZA Raih 6 Anugerah Buku Negara 2025

UniSZA Publisher Wins 6 National Book Awards 2025



ms **8**

Ahmad Zufar, Umie Nurliela dinobatkan juara Wa'iz Citra UniSZA 2025

Ahmad Zufar and Umie Nurliela Crowned Champions of Wa'iz Citra UniSZA 2025



ms **15**

UniSZA Lancar Skim Biasiswa Pascasiswazah Pertama – UniSZA BRIGHT

UniSZA Launches Its First Postgraduate Scholarship Scheme – UniSZA BRIGHT

MAJLIS APRESIASI RAKAN INDUSTRI DAN ALUMNI (MARIA 2025) PERKUKUH JALINAN STRATEGIK UniSZA BERSAMA INDUSTRI DAN ALUMNI

INDUSTRY PARTNERS AND ALUMNI APPRECIATION CEREMONY (MARIA 2025) STRENGTHENS UniSZA'S STRATEGIC TIES WITH INDUSTRY AND ALUMNI





KUALA LUMPUR, 5 Disember 2025 – Majlis Apresiasi Rakan Industri dan Alumni (MARIA 2025) yang berlangsung di Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC Kuala Lumpur semalam menjadi platform penghargaan dan pengukuhan hubungan strategik antara Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), rakan industri serta para alumni universiti berkenaan.

KUALA LUMPUR, 5 December 2025 – The Industry Partners and Alumni Appreciation Ceremony (MARIA 2025), held yesterday at Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC Kuala Lumpur, served as a platform for recognition and the strengthening of strategic relationships between Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), its industry partners, and the university's alumni.





Turut hadir memeriahkan majlis ialah Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, dan Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail.

Also present to enliven the ceremony were the Director-General of IKIM, Associate Professor Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, and the Deputy Director-General of IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail.

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN VIDEO PENDEK KEFAHAMAN ISLAM (VIPKI) MADANI 2025: PELAJAR UniSZA RAIH TEMPAT KEENAM

Prize-Giving Ceremony of the MADANI 2025 Islamic Understanding Short Video Competition (VIPKI): UniSZA Student Secures Sixth Place



klik di sini untuk berita lanjut

Shah Alam, 3 Disember 2025 – Seramai empat orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) Semester 5, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berjaya meraih Tempat Keenam dalam Pertandingan Mereka Cipta Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI) Institut Pengajian Tinggi 2025.

Shah Alam, 3 December 2025 – Four Semester 5 students from the Bachelor of Education (Islamic Education) programme, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), successfully secured sixth place in the 2025 Higher Education Institutions Islamic Understanding Short Video Creation Competition (VIPKI).

PENERBIT UniSZA RAIH 6 ANUGERAH BUKU NEGARA 2025

UniSZA Publisher Wins 6 National Book Awards 2025



Alhamdulillah, satu lagi detik bersejarah tercipta buat Penerbit UniSZA di Majlis Anugerah Buku Negara 2025, apabila kami berjaya merangkul 6 Anugerah dalam pelbagai kategori penerbitan.

Alhamdulillah, another historic milestone has been achieved by UniSZA Publisher at the National Book Awards 2025, as we successfully clinched six awards across various publishing categories.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kami ucapkan kepada Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam, Naib Canselor UniSZA kerana sudi hadir bagi meraikan kejayaan ini bersama para pemenang. Sokongan dan komitmen berterusan pihak universiti menjadi pemangkin utama kecemerlangan Penerbit UniSZA dalam memperkasa penerbitan ilmiah negara.

klik di sini untuk berita lanjut

We extend our highest appreciation and sincere gratitude to Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam, Vice-Chancellor of UniSZA, for graciously attending to celebrate this success together with the winners. The university's continuous support and commitment have served as the primary catalyst for the excellence of UniSZA Publisher in advancing the nation's scholarly publishing.

Syabas dan tahniah kepada semua penulis atas dedikasi, ilmu serta sumbangan yang tidak ternilai kepada dunia keilmuan.

Congratulations and well done to all the authors for their dedication, knowledge, and invaluable contributions to the world of scholarship.

MAJLIS PELUNCURAN SAMBUTAN HARI ANTARTIKA 2025 DAN PERTUKARAN PERJANJIAN SMART PARTNERSHIP INITIATIVE

LAUNCHING CEREMONY OF ANTARCTICA DAY 2025 CELEBRATION AND EXCHANGE OF SMART PARTNERSHIP INITIATIVE AGREEMENT





Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menyertai Majlis Peluncuran Sambutan Hari Antartika 2025 dan Pertukaran Perjanjian Smart Partnership Initiative yang diadakan pada 8 Disember 2025 di Dewan Seri Saujana, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, selaku Penaung Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) turut berkenan mencemar duli menyempurnakan majlis ini.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) participated in the Launching Ceremony of the Antarctica Day 2025 Celebration and the Exchange of the Smart Partnership Initiative Agreement, which was held on 8 December 2025 at Dewan Seri Saujana, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).His Royal Highness the Sultan of Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, in his capacity as the Patron of the Sultan Mizan Antarctic Research Foundation (YPASM), graciously consented to grace the ceremony and officiate the event.



UniSZA & MYSA Meterai MoU Perkukuh Penyelidikan Angkasa, Alam Sekitar dan Pengurusan Bencana

UniSZA & MYSA Seal MoU to Strengthen Space, Environmental, and Disaster Management Research



klik di sini untuk berita lanjut



Memorandum Persefahaman (MoU)

Memorandum of Understanding (MoU)

11 Disember 2025 | Putrajaya – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) melalui Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) terus memperkukuh jaringan strategik dalam bidang sains angkasa, alam sekitar dan pengurusan bencana melalui jalinan kerjasama Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA). Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UniSZA dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) telah berlangsung dengan jayanya di UniSZA Putrajaya, hari ini.

11 December 2025 | Putrajaya – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), through the East Coast Environmental Research Institute (ESERI), continues to strengthen its strategic network in the fields of space science, environmental studies, and disaster management through the signing of a Memorandum of Understanding (MoU) with the Malaysian Space Agency (MYSA).

Majlis Penyerahan Surat Tawaran kepada Calon Rintis APEL.Q di UniSZA@Putrajaya

Offer Letter Handover Ceremony for APEL.Q Pioneer Candidates at UniSZA@Putrajaya



Putrajaya, 11 Disember 2025 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Accreditation of Prior Experiential Learning for Qualification (APEL.Q) kepada calon rintis iaitu Encik Sofi bin Ali, Pengarah Institut Latihan Statistik Malaysia bertempat di UniSZA@Putrajaya hari ini.

Putrajaya, 11 December 2025 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) held an Offer Letter Handover Ceremony for the Accreditation of Prior Experiential Learning for Qualification (APEL.Q) to its pioneer candidate, Mr. Sofi bin Ali, Director of the Malaysian Statistical Training Institute, at UniSZA@Putrajaya today.

klik di sini untuk berita lanjut





Memorandum Persefahaman (MoU)

Memorandum of Understanding (MoU)

UniSZA Meterai MoU Bersama Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai & Avicenna Academy Hub Sdn. Bhd., Pacu Masa Depan Bidang Perubatan Melalui Kerjasama Strategik

UniSZA Signs MoU with Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai & Avicenna Academy Hub Sdn. Bhd. to Advance the Future of Medical Collaboration



15 Disember 2025 | Kuala Nerus – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) melalui Fakulti Perubatan (FP) terus memperkukuh hubungan strategik bersama industri dengan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama dua (2) agensi iaitu Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia dan Avicenna Academy Hub Sdn. Bhd.

15 December 2025 | Kuala Nerus – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), through its Faculty of Medicine (FP), continues to strengthen strategic industry partnerships by signing a Memorandum of Understanding (MoU) with two (2) agencies, namely Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, Indonesia, and Avicenna Academy Hub Sdn. Bhd.









Ahmad Zufar, Umie Nurliela dinobatkan juara Wa'iz Citra UniSZA 2025

Ahmad Zufar and Umie Nurliela Crowned Champions of Wa'iz Citra UniSZA 2025







Kuala Nerus – 15 Disember 2025- Pelajar Fakulti Perubatan (FP), Ahmad Zufar Meor Shariman dan Umie Nurliela dari Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) telah dinobatkan sebagai juara Wai'z Citra UniSZA 2025: Pencarian Ikon Mahasiswa Versatil bagi kategori lelaki dan perempuan.

Kuala Nerus – 15 December 2025 – Ahmad Zufar Meor Shariman, a student from the Faculty of Medicine (FP), and Umie Nurliela from the Faculty of Applied Social Sciences (FSSG), were crowned champions of Wai'z Citra UniSZA 2025: The Search for Versatile Student Icons, in the male and female categories respectively.



UniSZA Bersama IPTA dan IPTS Perkukuh Kerjasama Bersepadu Dengan YADIM Melalui Pemeteraian MoU

UniSZA, Together with Public and Private Higher Education Institutions, Strengthens Integrated Collaboration with YADIM Through MoU Signing



Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama 14 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 14 Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) termasuk Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam usaha memperluas jaringan kolaborasi institusi pengajian tinggi dalam menyokong agenda pembangunan modal insan, pemerkasaan masyarakat serta pelaksanaan program berimpak tinggi yang selari dengan aspirasi dan dasar pembangunan negara.

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) has signed a Memorandum of Understanding (MoU) with 14 Public Higher Education Institutions (IPTA) and 14 Private Higher Education Institutions (IPTS), including Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), as part of efforts to expand collaborative networks among higher education institutions. This initiative aims to support the human capital development agenda, empower communities, and implement high-impact programmes aligned with national development aspirations and policies.



Kuala Nerus, 19 Disember 2025 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan MajlisApresiasi Akademi Qurra' 2025 bertempat di Dewan Perdana, UniSZA sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap pencapaian para peserta dalam pengajian dan penghayatan al-Quran.

Kuala Nerus, 19 December 2025 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) organised the Academy of Qurra' Appreciation Ceremony 2025 at Dewan Perdana, UniSZA, as a mark of appreciation and recognition for the achievements of participants in Qur'anic studies and appreciation.





Majlis Apresiasi Akademi Qurra' 2025 Hargai Pencapaian Para Huffaz dan Peserta al-Quran

Academy of Qurra' Appreciation Ceremony 2025 Celebrates the Achievements of Huffaz and Al-Quran Participants



klik di sini untuk berita lanjut

Majlis telah dihadiri oleh warga universiti, ibu bapa serta para peserta Akademi Qurra'. Majlis ini dirasmikan oleh YBhg. Prof. Madya Dato' Ts. Dr. Mohd Hafiz Bin Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) UniSZA yang dalam ucapannya menzahirkan penghargaan terhadap usaha berterusan Pusat Islam UniSZA dalam memperkasa pendidikan al-Quran serta melahirkan generasi huffaz yang seimbang dari aspek ilmu, akhlak dan kepimpinan.

The ceremony was attended by members of the university community, parents, and participants of the Academy of Qurra'. It was officiated by YBhg. Prof. Madya Dato' Ts. Dr. Mohd Hafiz Bin Yusoff, Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs and Alumni) of UniSZA, who in his speech expressed appreciation for the continuous efforts of the UniSZA Islamic Centre in strengthening Qur'anic education and producing a generation of huffaz who are well-balanced in terms of knowledge, character, and leadership.



Memorandum Persefahaman (MoU)

Memorandum of Understanding (MoU)



UniSZA Meterai MoU Bersama Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) dan Terengganu Pro-Asia Cycling Team (TPCT)

UniSZA Signs MoU with Terengganu State Sports Council (MSNT) and Terengganu Pro-Asia Cycling Team (TPCT)



21 Disember 2025 | Kuala Nerus – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) melalui Fakulti Sains Kesihatan (FSK) terus memperkukuh hubungan strategik bersama Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) dan Terengganu Pro-Asia Cycling Team (TPCT) melalui pemeteraian (MoU) dalam satu Majlis Menandatangani MoU antara UniSZA dengan MSNT and TPCT yang telah berlangsung di Ar-Riyadah Residence, Kuala Nerus, Terengganu hari ini.

21 December 2025 | Kuala Nerus – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), through its Faculty of Health Sciences (FSK), continues to strengthen strategic partnerships with the Terengganu State Sports Council (MSNT) and the Terengganu Pro-Asia Cycling Team (TPCT) through the signing of a Memorandum of Understanding (MoU). The MoU signing ceremony between UniSZA, MSNT, and TPCT was held today at Ar-Riyadah Residence, Kuala Nerus, Terengganu.



UniSZA mengukuhkan hubungan kerjasama strategik antara MVC dan Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) UniSZA

UniSZA Strengthens Strategic Collaborative Ties Between the Malaysian Veterinary Council (MVC) and UniSZA's Faculty of Veterinary Medicine (FPV)



Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terus memperkukuh jaringan kerjasama strategik apabila pihak pengurusan tertingginya mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Veterinar Malaysia (MVC) yang berlangsung di Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Putrajaya.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) continues to strengthen its strategic collaboration network as its top management paid a courtesy visit to the Malaysian Veterinary Council (MVC), held at the Department of Veterinary Services, Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), Putrajaya.

Putrajaya | 17 Disember 2025

klik di sini untuk berita lanjut



UniSZA Raikan Kecemerlangan Atlet Dalam Majlis Anugerah Sukan 2024/2025

UniSZA Celebrates Athletic Excellence at the 2024/2025 Sports Awards Ceremony

Kuala Nerus - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terus komited memartabatkan kecemerlangan sukan apabila menganjurkan Majlis Anugerah Sukan UniSZA 2024/2025 sebagai penghargaan kepada atlet, jurulatih dan penggerak sukan universiti yang telah mengharumkan nama institusi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kuala Nerus – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) continues its commitment to elevating sporting excellence by organising the UniSZA Sports Awards Ceremony 2024/2025 as a tribute to the university's athletes, coaches, and sports contributors who have brought pride to the institution at both national and international levels.



Majlis yang berlangsung penuh gilang-gemilang itu telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UniSZA, Prof. Madya Dato' Ts. Dr. Mohd Hafiz Bin Yusoff @ Che Abdullah mewakili Naib Canselor UniSZA.

Kuala Nerus – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) continues its commitment to elevating sporting excellence by organising the UniSZA Sports Awards Ceremony 2024/2025 as a tribute to the university's athletes, coaches, and sports contributors who have brought pride to the institution at both national and international levels.

UniSZA Hargai Komitmen Petugas dan Rakan Strategik dalam Majlis Apresiasi Konvokesyen Ke-17

UniSZA Appreciates the Commitment of Staff and Strategic Partners at the 17th Convocation Appreciation Ceremony




Kuala Nerus, 29 Disember 2025 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) meneruskan tradisi menghargai sumbangan warganya dengan menganjurkan Majlis Apresiasi Petugas Majlis Idul Ilmi UniSZA Konvokesyen Ke-17, bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, Kampus Gong Badak.

Kuala Nerus, 29 December 2025 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) continued its tradition of recognising the contributions of its community by organising the Appreciation Ceremony for the Idul Ilmi UniSZA 17th Convocation Officers, held at Dewan Al-Muktafi Billah Shah, Gong Badak Campus.

UniSZA Lancar Skim Biasiswa Pascasiswazah Pertama – UniSZA BRIGHT

UniSZA Launches Its First Postgraduate Scholarship Scheme – UniSZA BRIGHT



Kuala Nerus 29 Disember 2025 - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) hari ini melakar sejarah dengan pelancaran Skim Biasiswa Pascasiswazah UniSZA BRIGHT, satu inisiatif strategik bagi memperkukuh agenda pembangunan pascasiswazah universiti.

Kuala Nerus, 29 December 2025 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) made history today with the launch of the UniSZA BRIGHT Postgraduate Scholarship Scheme, a strategic initiative aimed at strengthening the university's postgraduate development agenda.



Liputan Media UniSZA

Media Coverage

Hubungan Strategik Industri-Alumni Terus Perkasakan Kedudukan UniSZA

06/12/2025 12:15 AM



Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee (tiga, kiri) yang menjalankan fungsi Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) melancarkan Crowdfunding Tabung Alumni dan Industri UniSZA pada Malam Apresiasi Rakan Industri dan Alumni UniSZA 2025 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur hari ini. Turut sama Naib Canselor UniSZA Datuk Dr Fadzli Adam

Bernama - 6 Disember 2025
Hubungan Strategik Industri-Alumni Terus Permasakan Kedudukan UniSZA
Bernama – 6 December 2025
Strategic Industry–Alumni Partnerships Continue to Strengthen UniSZA's Standing

klik di sini untuk berita lanjut

Liputan Media UniSZA

Media Coverage

REGION - SARAWAK > NEWS

Industry-Alumni Synergy Strengthens UniSZA's Position

Published : 06/12/2025 12:11 AM



KUALA LUMPUR, Dec 5 (Bernama) -- Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) continues to strengthen its reputation for excellence, with its industry partnerships and the involvement of more

Bernama - 6 Disember 2025
Industry- Alumni Synergy Strengthens UniSZA's Position

Bernama – 6 December 2025
Industry–Alumni Synergy Strengthens UniSZA's Position

klik di sini untuk berita lanjut


Liputan Media UniSZA

Media Coverage

Tipu buat tugasan universiti guna AI

- Pensyarah dedah penuntut guna AI sudah tidak boleh dikawal
- Penuntut guna AI dikira langgar etika akademik

Oleh NOOR HASLIZA NUSI dan NURSYASYA NADHIRAH ZABIDI



RAMAI penuntut universiti didapati menggunakan AI bagi menyiapkan tugasan yang diberikan pensyarah.

PETALING JAYA – Penyalahgunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam kalangan penuntut universiti didakwa semakin menular apabila menjadi jalan pintas mereka dalam menyiapkan tugasan.

Ramai pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT) kini semakin resah apabila mendapati ramai penuntut menggunakan aplikasi AI dalam menyiapkan tugasan yang diberikan.

Di **Terengganu**, Pensyarah Fakulti Informatik dan Komputeran, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof. Madya Dr. Syarifla Iryani Ahmad Saany mengakui penyalahgunaan aplikasi AI dalam menyiapkan tugasan pelajar kini dilihat semakin ketara dan sukar dikawal.

"AI sepatutnya menjadi alat bantu pembelajaran tetapi kini dilihat semakin kerap disalah guna segelintir pelajar universiti sebagai jalan pintas untuk siapkan tugasan akademik dengan mudah tanpa perlu berusaha.

"Sebenarnya boleh guna AI untuk bantu merangka struktur penulisan atau menjana idea tetapi ini tidak, 100 peratus tugasan tersebut 'diselesaikan' teknologi tersebut," la dikira pelanggaran etika akademik," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Dr. Syarifla Iryani berkata, penyalahgunaan AI dalam menyiapkan tugasan akademik dikhuatiri boleh membantutkan proses pencambahan pemikiran seseorang pelajar.

Tambah beliau, kefahaman dan penguasaan pelajar terbabit tentang subjek dipelajari juga boleh dirangkan sekali gus boleh memberi kesan negatif terhadap mereka apabila melangkah ke alam pekerjaan kelak.

"Sebagai pensyarah, kita boleh syak tugasan akademik dihantar bukan buah fikiran pelajar tetapi AI berdasarkan gaya bahasa dan susunan ayatnya yang terlalu sempurna.

"Laras analisis tugasan tersebut juga biasanya lebih tinggi daripada kemampuan sebenar pelajar terbabit," katanya.

Beliau berkata, kebiasaannya pelajar yang dikesan menggunakan aplikasi AI secara keterlaluan akan diarahkan untuk siapkan semula tugasan mereka.

"Saya belum sampai tahap kejam terus memberi markah sifar kepada tugasan berkenaan.

"Apapun, rubrik pemarkahan khas juga telah diperkenalkan bagi menggalakkan pelajar menggunakan AI secara beretika," katanya.

Di **Pulau Pinang**, seorang lagi Pensyarah Pusat Pengajian Komunikasi di Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Miharaini Md. Ghani berkata, disebabkan terlalu yakin dengan platform penjana teks tersebut telah menjadikan hasil tugasan mereka terlalu sempurna sehingga tidak mencerminkan kemampuan sebenar seseorang pelajar.

"Semestinya saya kecewa bila mana tugasan yang diberi kepada pelajar adalah 100 peratus hasil janaan AI. Bukan sahaja menerima kandungan hasil kerja yang sama tapi cara olahan, kedudukan tanda baca termasuk noktah serta koma pun sama.

"Saya dapat bezakan mana yang asli (hasil tugasan pelajar) dan dari janaan AI. Melalui gaya bahasa dan pola penulisan pun boleh tahu. Malah, tiada jiwa apabila membaca semula tugasan tersebut."

"Ia terlalu sempurna, tiada kesalahan ejaan dan tatabahasa serta 'AI like', di mana kalau ikutkan, tidak akan ada manusia akan menggunakan perkataan-perkataan seperti mana AI gunakan," katanya di sini, semalam.

Jelasnya, beliau lebih suka untuk mendidik daripada menghukum. Oleh itu akan membimbing pelajar supaya menggunakan AI secara beretika dan mungkin perkenal tugasan guna tulisan tangan selepas ini.

Kosmo - 7 Disember 2025
Tipu buat tugasan universiti guna AI
Kosmo – 7 December 2025
Cheating on University Assignments Using AI

klik di sini untuk berita lanjut

Liputan Media UniSZA

Media Coverage



Tugasan kena tulis tangan atau markah sifar

- AI hanya untuk rujukan bukan salin bulat-bulat
- Pensyarah sepakat beri kata dua kepada penuntut universiti

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMA dan NURSYASYA NADHIRAH ZABIDI

KUANTAN – Pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT) sepakat untuk bertegas dengan penuntut yang menggunakan kecerdasan buatan (AI) sepenuhnya dalam tugasan dengan memberi markah sifar bagi memberi keadilan kepada penuntut lain.

Bagi mereka menggunakan AI untuk sumber rujukan tidak salah tetapi menggunakan teknologi itu secara salin dan tampal adalah tidak beretika.

Pensyarah Kuliah Sains Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) Kampus Kuantan, Profesor Madya Dr. Rozilawati Shahari dalam mengatasi isu ini dia mengambil tindakan tegas dengan mengenakan markah sifar kepada guna AI sepenuhnya.

"Info boleh dicari (daripada AI) tetapi saya tidak terima salin sepenuhnya, ambil 100 peratus dan saya sentiasa berpesan awal kepada penuntut.

DR. REDZUAN

"Kalau mereka guna juga saya akan berikan markah kosong, mereka tidak boleh buat semula untuk adil kepada semua penuntut lain," katanya di sini semalam.

Menurut Rozilawati pensyarah dapat mengenali tugasan yang menggunakan AI berdasar ayat yang digunakan berbanding ayat lebih mudah yang digunakan pensyarah ketika mengajar.

Dalam pada itu Timbalan Pengarah Institute of Planetary Survival for Sustainable Well-being UIAM (PLANETHUM), Dr. Redzuan Nul Hakim Abdul Razak menyarankan siapkan tugasan guna tulisan tangan adalah cara untuk elak penipuan guna AI

"Jadi mekanisme tulis tangan membuatkan mereka akan ada usaha, semasa menyalin mereka akan baca dan faham, AI pun ada yang kurang betul jadi bila

DR. ROZILAWATI

baca mereka tahu betul atau tidak," katanya.

Katanya, beliau berharap ada panduan atau kaedah tertentu ditetapkan ia akan memudahkan dan menyelaraskan kadar penggunaan AI dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas berkata, menyerahkan sepenuhnya tugasan akademik kepada sistem pintar semata-mata yang bertentangan dengan matlamat dan etika pengajian tinggi itu sendiri.

Dr. Zuhairah berkata, beberapa fakulti di UniSZA turut telah mengambil inisiatif memperkenalkan rubrik pemarkahan khas yang memberi markah kepada pelajar berdasarkan penggunaan AI secara beretika dalam tugasan akademik mereka.

DR. ZUHAIRAH

Beliau berkata, tambahan markah boleh dipertimbangkan sekiranya pelajar terlibat mampu menjelaskan mekanisme diambil mereka dalam menggunakan aplikasi AI seperti ChatGPT untuk menyemak dan memperbaiki maklumat dijana dalam tugasan diberikan.

"Kita mahu pelajar bijak menyesuaikan hasil AI dengan idea sendiri sekali gus mengekalkan etika," ujarnya

Kosmo - 10 Disember 2025

Tugasan kena tulis tangan atau markah sifar

Kosmo – 10 December 2025

Assignments must be handwritten or will receive zero marks.

klik di sini untuk berita lanjut

Liputan Media UniSZA

Media Coverage



Bernama - 15 Disember 2025

DARAH MUDA

Bernama - 15 December 2025

YOUTH BLOOD DONATION

klik di sini untuk berita lanjut

Liputan Media UniSZA

Media Coverage



Bernama - 15 Disember 2025
Graduan, Bersedialah Menghadapi Masa Depan!
Bernama - 15 December 2025
Graduates, Future Proof Yourself!

klik di sini untuk berita lanjut

Liputan Media UniSZA

Media Coverage



Bernama - 29 Disember 2025
Program UniSZA BRIGHT bantu pelajar B40 lanjutkan pengajian peringkat tertinggi

Bernama – 29 December 2025
UniSZA BRIGHT Programme Helps B40 Students Pursue Studies at the Highest Level

klik di sini untuk berita lanjut


تهنيئه
Tahniah
CHE AHMAD SYAUQI BIN CHE SERI ISMAIL
MUHAMMAD NURHAKIMAN BIN AZIZAM
MOHD ALIF BIN ARIF
AMAR MUKHLIS BIN MAAROF
TEMPAT KEENAM
Pertandingan
Mereka Cipta Video Pendek Kefahaman Islam (VPKI)
Institut Pengajian Tinggi 2025
Ikhlas daripada:
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor,
Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


Congratulations
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)
UI GreenMetric
World University Rankings
149
IN THE WORLD
2025
184
In The World
2024
#80/864
IN ASIA 2025
#9/91
IN MALAYSIA 2025
WORLD'S MOST SUSTAINABLE UNIVERSITY IN 2025
GOALS
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


تهنيئه
Tahniah
DATO' DR. SIRAJUDDIN
BIN SUHAIMEE
MENJALANKAN FUNGSI
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UniSZA
atas penganugerahan
WORLD MUSLIM LEADERSHIP
EXCELLENCE AWARD
sempena
GLOBAL MUSLIM BUSINESS
FORUM 2025
8 DISEMBER 2025
Ikhlas daripada:
Pro Canselor dan Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor,
Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


تهنيئه
Tahniah
PUSAT PENYELIDIKAN
HALAL (HRC) UniSZA
dinobatkan sebagai penerima
HALAL EDUCATION EXCELLENCE AWARD (ACADEMIC)
sempena
WORLD HALAL
EXCELLENCE AWARDS
pada
7 DISEMBER 2025
DESARU COAST CONFERENCE CENTRE
JOHOR DARUL TA'ZIM
anjuran
HALAL DEVELOPMENT CORPORATION BERHAD (HDC)
DI BAWAH KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN
DAN INDUSTRI (MITI)
Ikhlas daripada:
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor,
Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


تهنيئه
Tahniah
WAN MOHD FADZLI
BIN W. SAMSUDIN
PEREKA
Penerbit UniSZA
atas penganugerahan
PEREKA MAPIM
TERBAIK
sempena
ANUGERAH
MAPIM-KPT
KE-16
Ikhlas daripada:
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor,
Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


PENERBIT
ANUGERAH
MAPIM-KPT
KE-16
Sekalung Tahniah
PENERBIT UniSZA
atas kejayaan menerima
ANUGERAH BUKU TERLARIS
(PENGHARGAAN)
bagi buku
SISTEM KEKELUARGAAN ISLAM DAN AMALANNYA DI MALAYSIA
sempena
Anugerah
MAPIM-KPT
ke-16
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


Sekalung Penghargaan
TERIMA KASIH
YB DATUK TS. MUSTAPHA SAKMUD
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
TERIMA KASIH
ATAS JASA DAN BAKTI
YANG TIDAK TERNILAI
Ikhlas daripada:
PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH, NAIB CANSELOR,
PENGURUSAN TERTINGGI DAN SELURUH WARGA UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


تهنيئه
Tahniah
NUR ZAHIRAH
BINTI MOHD ZAID
PELAJAR SARJANA MUDA FARMASI DENGAN KEPUJIAN
(FAKULTI FARMASI)
penerima
BIASISWA
SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH
berjumlah
RM52,000.00
Ikhlas daripada:
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor,
Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


Sekalung
TAHNIAH
YB TUAN ADAM ADLI
BIN ABD HALIM
atas pelantikan sebagai
TIMBALAN MENTERI
PENDIDIKAN TINGGI
Ikhlas daripada:
PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH, NAIB CANSELOR,
PENGURUSAN TERTINGGI DAN SELURUH WARGA UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


Sekalung
TAHNIAH
YB SENATOR MARHAMAH ROSLI
atas pelantikan sebagai
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)
ALUMNI UniSZA (KUSZA) 2006
berkuat kuasa pada
17 DISEMBER 2025
Ikhlas daripada:
PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH, NAIB CANSELOR,
PENGURUSAN TERTINGGI DAN SELURUH WARGA UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


تهنيئه
Tahniah
AESHA ZUHAIRAH
BINTI AZIZ
NUR ADILAH SYAHIRAH
BINTI ROSMADI
PELAJAR SARJANA MUDA FARMASI DENGAN KEPUJIAN
(FAKULTI FARMASI)
BIASISWA
SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH
berjumlah
RM52,000.00
Ikhlas daripada:
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


Sekalung
TAHNIAH
YANG BERUSAHA
PROF. DR. AHMAD MARTADHA MOHAMED
atas pelantikan sebagai
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
(UUM)
berkuat kuasa mulai
16 DISEMBER 2025
Ikhlas daripada:
PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH, NAIB CANSELOR,
PENGURUSAN TERTINGGI DAN SELURUH WARGA UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


تهنيئه
Tahniah
PUTRI ERIN ARMANIE
BINTI ZAIDI
PELAJAR SARJANA MUDA FARMASI (KEPUJIAN)
(FAKULTI FARMASI)
penerima
BIASISWA
WAKALAH ZAKAT UniSZA- MAIDAM
berjumlah
RM40,000.00
Ikhlas daripada:
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor,
Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY


تهنيئه
Tahniah
YB DATO' HAJI MOHD AZMI
BIN MOHAMAD DAHAM
atas pelantikan sebagai
SETIAUSAHA KERAJAAN
TERENGGANU
berkuatkuasa mulai
10 JANUARI 2026
Ikhlas daripada:
Menjalankan Fungsi Pengerusi
dan Ahli Lembaga Pengarah,
Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi
dan Seluruh Warga UniSZA
ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY

JOM MENYUMBANG!

Let's Contribute!



Assalamualaikum wrbt

Allah memuliakan orang yang bersedekah sehingga Nabi SAW telah bersabda hadis ini:

ما نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِن مالٍ، وما زادَ اللَّهُ عَبْدًا بعَفْوٍ، إلَّا عِزًّا

Maksudnya: "Tidak akan berkurang harta dengan sedekah. Dan seorang hamba yang pemaaf pasti akan Allah tambahkan kemuliaan baginya."

Riwayat Muslim

BERINFAQ PADA HARI JUMAAT

Layari platform infaq.unisza.edu.my untuk berinfaq. Unisza menyediakan pelbagai ruang kepada anda untuk melakukan kebaikan. Antaranya

1. WAKAF
https://infaq.unisza.edu.my/campaigns/1
2. INFAQ/DERMA
https://infaq.unisza.edu.my/campaigns/2
3. ZAKAT
https://infaq.unisza.edu.my/campaigns/3
4. ENDOWMEN
https://infaq.unisza.edu.my/campaigns/4

Kemurahan hati ini tidak dipulangkan dengan pahala biasa malah Allah SWT telah menjanjikan pahala yang berlipat ganda kerana bersedekah.

"BERWAKAF DEMI FAEDAH INSAN"

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

e-Buletin UniSZAtimes

Pendidikan dengan Jiwa • *Education with Soul*

Disember 2025

December 2025

CoRM | CENTRE FOR CORPORATE COMMUNICATIONS AND RELATIONS MANAGEMENT